

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:  
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

**KUALA LANGAT / SEPANG**

**INFO**

**Istana Jugra**

Istana yang bertiangkan batu dan berlantaikan papan dan dinding bahagian tingkat atasnya juga papan telah dibina pada 1876 oleh Sultan Abdul Samad semasa pemerintahan baginda.

Istana ini adalah sebuah bangunan istana tertua negeri ini yang masih wujud.

Pada 1898, istana Jugra juga menjadi tempat pertabalan Sultan Selangor ke-V, Sultan Alaeddin Suleiman Syah.

Walaupun bangunan ini tidak digunakan lagi, namun ia masih terpelihara. Kawasan sekitar istana juga sentiasa bersih, kerana ada penduduk kampung yang mengusahakan tanaman buah-buahan seperti jambu, durian dan sebagainya.

Bangunan ini sentiasa menjadi tumpuan pelancong atau peminat sejarah yang ingin melihat keadaan yang sebenarnya.



# Jalan rosak dinaik taraf

KERJA pembaikan melibatkan jalan Kampung Lombong, Kampung Jaya Sepakat

**BANDAR SAUJANA PUTRA** - Kerja naik taraf dan melebarkan jalan Kampung Lombong dari Kampung Jaya Sepakat akan dijalankan bermula 1 Mac dan akan siap sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, beliau gembira masalah jalan rosak di kawasan itu mendapat perhatian Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan dan mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor menjalankan kerja-kerja naik taraf itu.

"Kerja menurun dan melebarkan jalan sepanjang satu kilometer itu juga termasuk mengukuhkan tebing sungai di bawah jambatan Lebuhraya Elite ke simpang Jalan Kejuruteraan," katanya kepada *Sinar Harian*



Chee Heng (dua, kiri) bersama Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman (dua, kanan) di Kampung Lombong, Bandar Saujana Putra bagi melihat status kawasan tersebut.

mengulas mengenai status jalan di Kampung Lombong, di sini, semalam.

Menurutnya, kos terlibat dianggarkan berjumlah RM13 juta dan kerja naik taraf itu memang sudah lama dinantikan pengguna di kawasan berkenaan.

"Jalan itu sebelum ini memang berdepan dengan pelbagai masalah.

"Saya harap selepas ini tak ada masalah berbangkit sehingga menimbulkan kemarahan penduduk," katanya.

Dalam perkembangan lain, Chee Heng berkata, beliau turut menerima aduan masalah rumput panjang di simpang jalan keluar masuk Taman Bakti dan Taman Periang sejak dua bulan lalu.

Katanya, beliau telah me-

manjangkan masalah itu kepada pelbagai pihak untuk tindakan selanjutnya.

"Saya bimbang jika ia tak diambil perhatian, keselamatan pejalan kaki terutamanya pelajar sekolah terancam.

"Saya harap penduduk segera menaakumkan kepada pihak terlibat jika berlaku masalah yang melibatkan kemudahan awam," katanya.